

BAHAN KERTAS 3

2019

PANITIA SEJARAH NEGERI PERLIS



**PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA KE ARAH
KEMUNCULAN NEGARA MALAYSIA BERDAULAT**

ISI KANDUNGAN

BIL	SOALAN	MUKA SURAT
1.	(i) Latar belakang pembinaan negara dan bangsa yang merdeka. (5 markah)	5
	(ii) Latar belakang/Konsep/Maksud Sistem Ahli (5 markah)	6
	(iii) Latar belakang/Konsep/Maksud Pakatan Murni (5 markah)	6
2.	Ciri-ciri Sistem Ahli (10 markah) Proses Pelaksanaan Sistem Ahli (10 markah) Kepentingan Sistem Ahli (10 markah)	7
3.	Langkah British untuk memantapkan sistem pentadbiran di Tanah Melayu yang melibatkan kerjasama pelbagai kaum sebelum kemerdekaan. (10 markah)	8
4.	Usaha-usaha /Langkah-langkah/Proses untuk mengadakan Pakatan Murni kea rah kemerdekaan negara. (30 markah)	10
5.	Kejayaan kerjasama kaum melalui pilihan raya / Buktikan perpaduan kaum dalam pilihanraya kea rah penubuhan negara dan bangsa Tanah Melayu yang merdeka (10 markah)	12
6.	Usaha Suruhanjaya Reid merangka perlembagaan negara kita dengan mengambil kira rakyat berbilang kaum.(10 markah)	13

7.	Usaha/tolak ansur kaum melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. (15 markah)	14
8.	Sumbangan/Peranan tokoh kemerdekaan berbilang kaum bekerjasama untuk menjayakan pembinaan negara bangsa. (15 markah)	16
9.	Bagaimanakah kerjasama pelbagai kaum untuk menjayakan pembentukan negara dan bangsa yang merdeka diwujudkan. Buktikan proses pembentukan negara kita yang merdeka melibatkan seluruh rakyat/kaum di Malaysia. Bincangkan pembinaan negara dan bangsa yang merdeka tanpa pertumpahan darah. (15 markah)	17
10.	Hubungkaitkan kerjasama kaum dengan kewujudan semangat patriotisme yang tinggi di kalangan rakyat. (10 markah)	18
11.	Ketidakwujudan kerjasama kaum di negara kita telah menjejaskan kemajuan negara kita. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut./ Apakah yang akan berlaku kepada negara sekiranya tidak ada penglibatan menyeluruh rakyat/kaum untuk memajukan negara. (10 markah)	19
12.	Kerjasama kaum dalam pembinaan negara bangsa dapat mensejahterakan rakyat Malaysia. Buktikan./ Buktikan pembinaan negara dan bangsa penting dalam sebuah negara berbilang kaum dan agama./ Jelaskan kepentingan kerjasama kaum dan semangat patriotism dalam pembinaan negara dan bangsa kita (10 markah)	21
13.	Kebaikan kerjasama kaum dan kesannya terhadap rakyat Malaysia/ Jelaskan kejayaan pembinaan negara dan bangsa yang berbilang kaum disebabkan semangat patriotism dalam kalangan seluruh rakyat Malaysia. (10 markah)	22

14.	Buktikan masyarakat negara kita sudah mencapai tahap semangat patriotisme dan kerjasama kaum yang tinggi. (10 markah)	23
15.	Terdapat pihak yang suka mewujudkan perselisihan kaum di negara kita. (i) Mengapakah keadaan tersebut berlaku. (ii) Beri cadangan untuk menghapuskan sikap negatif berikut. (10 markah)	25 26
16.	Jelaskan cabaran untuk untuk mewujudkan kerjasama kaum di negara kita (10 markah)	27
17.	Jelaskan cabaran untuk meningkatkan semangat patriotisme di kalangan rakyat negara kita (10 markah)	28
18.	Jelaskan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut (10 markah)	29
19.	Cara untuk memupuk semangat kerjasama kaum di negara kita (10 markah)	30
20	Sebagai pemimpin masyarakat, bagaimanakah anda mengukuhkan semangat perpaduan di kalangan penduduk? Huraikan usaha kerajaan dalam memupuk semangat patriotism dalam kalangan rakyat seluruh Malaysia. (10 markah)	31
21.	Jelaskan iktibar yang diperoleh daripada pembinaan negara bangsa kita. (10 markah)	32
22.	Sediakan rumusan berdasarkan perkara berikut. (a) Pengetahuan yang diperolehi (b) Nilai patriotisme (c) Harapan untuk mewujudkan kerjasama kaum dan semangat patriotisme di negara kita. (5 markah)	33

SOALAN NO.1

i. Latar belakang pembinaan negara dan bangsa yang merdeka.

Pembinaan negara dan bangsa yang merdeka di negara kita adalah berasaskan penyertaan menyeluruh setiap anggota masyarakat yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan agama.

Pihak British telah memberikan latihan untuk mentadbir negara kepada penduduk tempatan supaya mampu berkerajaan sendiri dengan membentuk Sistem Ahli yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu .

Semua kaum juga berusaha mengadakan Pakatan Murni iaitu kerjasama dan tolak ansur politik melalui rundingan.

Kerjasama semua kaum untuk membina negara bangsa kita juga diteruskan melalui kerjasama dalam pilihanraya antara kaum iaitu melalui pembentukan Parti Perikatan yang telah memenangi pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan seterusnya membentuk kabinet.

Akhirnya ,melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, penduduk tempatan telah memperoleh hak mutlak untuk mentadbir negara dan setiap kaum berusaha melahirkan identiti masyarakat yang merdeka .

(ii) Latar belakang/Maksud/Konsep Sistem Ahli

Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu. Idea penubuhannya telah dicetuskan oleh Dato' Onn Ja'afar dalam perbincangannya dengan Sir Henry Gurney di Kuala Lumpur. Sir Henry Gurney mencadangkan agar model negara Kenya dan Rhodesia Utara dilaksanakan di Tanah Melayu. Cadangan ini selaras dengan hasrat British untuk menjalankan dasar dekolonisasi. Pihak British berpendapat bahawa Sistem Ahli ini akan mengurangkan tekanan daripada pihak Parti Komunis Malaya. (5m)

ii. Latar belakang/Maksud/ Konsep Pakatan Murni

Pakatan Murni merupakan usaha semua kaum di Tanah Melayu menghasilkan satu kerjasama dan tolak ansur politik melalui rundingan.

Setiap kaum mempunyai tuntutan dan masalah yang tersendiri.

Pakatan Murni merupakan jalan penyelesaian untuk menyatupadukan pelbagai kaum.

(5m)

NO SOALAN :2

Ciri- ciri Sistem Ahli (10 markah) /

Bagaimanakah British menyediakan **sistem pentadbiran** negara bangsa kita yang merdeka.

Bagaimanakah British memberi **latihan pentadbiran** kepada negara bangsa kita menjelang kemerdekaan negara.

Sistem Ahli mempunyai beberapa ciri. Antaranya ialah Sistem Ahli merupakan satu sistem kabinet bayangan yang terdiri daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat untuk memegang jawatan yang dibentuk. Selain itu, anggota Sistem Ahli dikenal sebagai Ahli. Contohnya Ahli Hal Ehwal dalam Negeri. Manakala pelantikan Ahli dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-raja Melayu. Ahlinya terdiri daripada sembilan orang anggota iaitu lima orang penduduk Tanah Melayu dan empat orang pegawai Inggeris. Daripada lima orang penduduk Tanah Melayu, tiga daripadanya merupakan orang Melayu, orang Cina dan orang India. Seterusnya, ahli-ahlinya diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British.

Proses pelaksanaan Sistem Ahli (10 markah)

Dalam sistem ini, ahli-ahli yang dilantik diberikan tugas menjaga satu portfolio yang mengandungi beberapa buah jabatan kerajaan. Mereka menguruskan pentadbiran harian jabatan tersebut mengikut dasar-dasar yang sedia ada. Selain itu, bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya untuk dibentangkan dalam MPP. Seterusnya dalam menyediakan cadangan undang-undang itu, Ahli akan berbincang dengan pegawai-pegawai kanan British untuk mendapatkan persetujuan bersama. Pesuruhjaya Tinggi juga memberikan arahan dan persetujuan dalam perkara tersebut dan selalunya cadangan undang-undang itu merupakan pendirian pentadbiran British.

Kepentingan Sistem Ahli (10 markah)

Sistem Ahli merupakan tapak asas yang penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri. Sistem Ahli juga memulakan proses perpaduan kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Ini adalah kerana ahli-ahlinya merupakan gabungan pemimpin daripada pelbagai kaum yang terdapat di negara ini. Perkara ini merupakan asas penting untuk menentukan kemerdekaan yang bakal dicapai akan mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Sistem Ahli juga telah memberikan pendedahan yang baik kepada penduduk tempatan untuk mentadbir dan menerajui kerajaan walaupun masih dikuasai oleh British.

Langkah British untuk memantapkan sistem pentadbiran di Tanah Melayu yang melibatkan kerjasama pelbagai kaum sebelum kemerdekaan.

(10 markah)

Usaha membina sebuah negara dan bangsa yang merdeka dan berdaulat bukanlah mudah. Oleh itu, pihak British telah mengambil langkah untuk memberikan latihan mentadbir negara kepada penduduk tempatan yang terdiri daripada pelbagai kaum supaya mampu berkerajaan sendiri. Latihan telah dijalankan oleh pihak British beberapa tahun sebelum negara kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Pembinaan sebuah negara dan bangsa yang merdeka melibatkan rundingan dan kerjasama pemimpin pelbagai kaum dengan pihak tertentu untuk menentukan hala tuju negara dan memantapkan sistem pentadbiran negara. Setelah perbincangan Dato' Onn Ja'afar dengan Sir Henry Gurney di Kuala Lumpur, maka tercetuslah idea penubuhan Sistem Ahli, iaitu satu sistem yang melatih penduduk tempatan untuk menerajui pentadbiran Tanah Melayu. Cadangan ini adalah selaras dengan hasrat British untuk menjalankan dasar dekolonisasi dan mengurangkan tekanan daripada pihak Parti Komunis Malaya.

Pendekatan Sistem Ahli telah dibincangkan dan dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu pada Februari 1950. Seterusnya pada Julai 1950, pihak British telah mengadakan rundingan dengan wakil penduduk Tanah Melayu di King's House, Kuala Lumpur. Orang Melayu telah diwakili oleh Dato' Onn Ja'afar, Dato' Hamzah Abdullah, Raja Uda dan Dato' Nik Ahmed Kamil. Manakala Dato' E.E.C. Thuraisingam mewakili kaum India dan Encik Yong Shook Lin dan Dr. Lee Tiang Keng mewakili masyarakat Cina.

Sistem Ahli telah dilaksanakan dari Januari 1951 hingga Jun 1955. Dalam Sistem Ahli, ahli-ahli yang dilantik diberikan tugas untuk menjaga satu portfolio yang mengandungi beberapa buah jabatan kerajaan. Mereka menguruskan pentadbiran harian jabatan tersebut mengikut dasar-dasar yang sedia ada dan juga bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya.

Sistem Ahli merupakan tapak asas yang penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri. Sistem Ahli juga telah memulakan proses perpaduan kaum di Tanah Melayu kerana ahli-ahlinya merupakan gabungan pemimpin daripada pelbagai kaum yang

terdapat di negara kita. Sistem Ahli telah memberikan pendedahan yang baik kepada penduduk tempatan untuk mentadbir dan menerajui kerajaan walaupun masih dijajah oleh British.

SOALAN 4

Usaha-usaha /Langkah-langkah/Proses untuk mengadakan Pakatan Murni ke arah kemerdekaan negara /sebelum penubuhan Parti Perikatan

[30 markah]

Langkah pertama ialah penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) pada bulan Januari 1949 di Pulau Pinang. Pada peringkat permulaannya, CLC hanya dianggotai oleh dua kaum terbesar di Tanah Melayu, iaitu Melayu dan Cina. Orang Melayu yang bernaung di bawah UMNO diketuai oleh Dato' Onn Ja'afar, orang Cina pula yang dinaungi Persatuan Cina Malaya atau Malayan Chinese Association (MCA) diterajui oleh Tan Cheng Lock. Namun, pada Ogos 1949, CLC telah dianggotai oleh enam orang pemimpin Melayu, enam orang pemimpin Cina dan seorang wakil daripada kaum India, Sri Lanka, Serani dan Eropah.

Penubuhan CLC adalah titik permulaan kerjasama antara kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Perkara ini merupakan perubahan terhadap dasar UMNO kerana kesanggupannya berunding dengan kaum lain untuk kepentingan masa depan negara. Hal ini juga merupakan satu pendekatan baru dalam arena politik Persekutuan Tanah Melayu. Menurut Dato' Onn Ja'afar, perpaduan antara kaum patut menjadi asas kemerdekaan yang akan dicapai.

Hasil daripada perundingan UMNO-CLC, beberapa perkara telah dipersetujui. Antaranya;

Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa atau Rural Industrial Development Authority (RIDA) pada bulan Oktober 1950. Tujuan penubuhannya adalah untuk memajukan ekonomi dan pendidikan masyarakat luar bandar terutama kaum Melayu. Pengerusi pertamanya ialah Dato' Onn Ja'afar.

Kerakyatan Negeri 1951 diberikan kepada imigran yang lahir di Persekutuan Tanah Melayu. Bagaimanapun, syaratnya ibu atau bapanya telah menjadi rakyat Tanah Melayu.

Pilihan raya akan diadakan pada masa yang sesuai di peringkat perbandaran, negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).

Langkah kedua ialah pembukaan keahlian UMNO kepada bukan Melayu seperti yang dicadangkan oleh Dato' Onn Ja'afar pada tahun 1951. Bagaimanapun, beliau telah dikecam hebat kerana masyarakat Melayu enggan berkompromi untuk mengubah struktur UMNO. Beliau kemudiannya telah meninggalkan UMNO.

Langkah ketiga ialah penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya atau Independence Malaya Party (IMP). Dasar IMP mengikut Dato' Onn Ja'afar akan menggunakan konsep kerjasama kaum dalam sebuah parti. IMP terbuka kepada semua kaum yang mahu bekerja untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Dato' Onn Ja'afar menyedari perubahan politik yang berlaku di Tanah Melayu pada ketika itu. Kerakyatan Negeri 1951 tidak lagi menjadikan orang Melayu sebagai rakyat tunggal Tanah Melayu. Sebaliknya, orang bukan Melayu juga menjadi rakyat Tanah Melayu. Walaubagaimanapun, IMP gagal mendapat sambutan daripada kaum Cina, India, dan kaum lain di Tanah Melayu. Ini adalah kerana mereka tidak merasakan bahawa mereka adalah sebagai satu bangsa Tanah Melayu. Rasa perpaduan terlalu asing bagi mereka.

Langkah seterusnya, ialah penubuhan Persidangan Kebangsaan pada bulan Februari 1953 oleh Sir Malcolm MacDonald (Gabenor Jeneral Asia Tenggara), di King's House, Kuala Lumpur. Tujuannya adalah untuk mencapai kerjasama politik bagi mengurangkan perasaan perkauman di kalangan penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Penubuhan Persidangan Kebangsaan diisytiharkan pada bulan April 1953, di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dato' Panglima Bukit Gantang menjadi pengerusinya dan beliau disokong oleh beberapa orang Menteri Besar.

Pada masa yang sama juga, Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin UMNO telah menganjurkan Konvensyen Kebangsaan bersama-sama MCA. Konvensyen ini disertai pelbagai parti dan persatuan politik yang lain. Kerjasama ini telah mengasaskan pembentukan Parti Perikatan.

SOALAN NO .5

Kejayaan kerjasama kaum melalui **pilihanraya**

(10 markah)

Kerjasama antara UMNO – MCA dibentuk apabila British ingin mengadakan pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada bulan Februari 1952. Kerjasama antara UMNO Kuala Lumpur dengan MCA Selangor dijalankan oleh Dato Abdul Razak dan Ong Yoke Lin. Dalam pilihan raya tersebut, gabungan UMNO – MCA telah memenangi sembilan daripada dua belas kerusi yang dipertandingkan. Dalam pilihan raya Majlis Perbandaran di beberapa bandar utama, gabungan ini telah memenangi 26 daripada 37 kerusi yang dipertandingkan. Dalam pilihan raya negeri pada tahun 1954, Parti Perikatan telah memenangi 226 daripada 268 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan ini menunjukkan permuafakatan dalam pelbagai parti diterima oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Kerjasama UMNO – MCA telah mengasaskan Parti Perikatan yang kemudiannya disertai oleh MIC.

Pada tahun 1954, British telah menubuhkan sebuah Jawatan Kuasa Pilihan Raya dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP). Jawatan kuasa ini dianggotai oleh pemimpin parti politik seperti Parti Negara, UMNO, MCA, MIC dan pegawai-pegawai tinggi British. Jawatan kuasa tersebut mencadangkan 52 kerusi dipilih melalui pilihan raya dan 48 ahli MPP dilantik oleh Pesuruh Jaya Tinggi British.

Parti Perikatan telah menyertai pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) yang diadakan pada 17 Julai 1955. Dalam pilihan raya itu, Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Kemenangan dalam pilihan raya itu membolehkan Parti Perikatan membentuk kabinet yang terdiri daripada pelbagai kaum dan berfungsi sehingga kemerdekaan dicapai.

SOALAN 6 :

Usaha Suruhanjaya Reid merangka perlembagaan negara kita dengan mengambil kira rakyat berbilang kaum. (10 Markah)

Suruhanjaya Reid dibentuk pada bulan Mac 1956 bagi membincangkan dan menyusun perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang akan mendapat kemerdekaan pada tahun 1957. Suruhanjaya ini diketui oleh Lord Reid selaku pengerusi manakala ahli yang lain ialah Sir Evor Jennings, Sir William MacKell, Tuan B. Malik dan Tuan Abdul Hamid.

Tugas suruhanjaya ini adalah untuk merangka sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka. Beberapa isu menjadi panduan suruhanjaya ini antaranya termasuklah pembentukan sebuah kerajaan persekutuan yang kuat dan pemberian kuasa autonomi kepada negeri dalam bidang tertentu. Suruhanjaya ini juga mengambil kira kedudukan Raja-Raja Melayu dan hak istimewa orang Melayu. Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu juga diberi perhatian.

Dalam soal ini suruhanjaya Reid mengambil kira isu kedudukan Raja-Raja Melayu, hak istimewa orang Melayu, prinsip jus soli dan pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu. Suruhanjaya ini telah menerima sebanyak 131 memorandum dari pelbagai pihak termasuklah dari Raja-Raja Melayu, parti politik dan orang perseorangan.

Satu isu yang hangat diperdebatkan ialah kerakyatan jus soli. Kerakyatan ini menjadi tuntutan orang dagang dan pendatang tetapi tidak dapat diterima oleh orang Melayu. Hal ini kerana prinsip jus soli memberi hak yang sama kepada semua kaum dan boleh melemahkan kedudukan istimewa orang Melayu. Namun selepas rundingan dibuat dengan Raja-Raja Melayu prinsip jus soli dapat diterima dengan syarat orang bukan Melayu mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu dalam perlembagaan. Selain daripada itu agama Islam juga diterima dan dipersetujui menjadi agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu dan bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan. Rizab tanah simpanan Melayu juga perlu dikekalkan.

Cadangan-cadangan suruhanjaya ini telah diterbitkan pada bulan Februari 1957. Parlimen British menerima cadangan tersebut pada bulan Mei 1957. Majlis mesyuarat perundangan Persekutuan Tanah Melayu telah mengesahkannya pada 17 Ogos 1957. Hasilnya lahirlah perlembagaan 1957.

SOALAN NO 7

Usaha/tolak ansur kaum melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

(15 markah)

Usaha dan tolak ansur kaum melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah berjaya membolehkan sebuah Kerajaan Demokrasi dan konsep Raja Berperlembagaan yang kuat dibentuk. Melalui pembentukan kerajaan tersebut, pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri dibahagikan mengikut Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri.

Di samping itu, Institusi Raja telah dijadikan sebagai satu sistem pemerintahan bercorak Raja Berperlembagaan pada peringkat negeri dan negara. Manakala hasil tolak ansur semua kaum dalam mencapai kesepakatan telah membolehkan tiga jenis kerakyatan diwujudkan di Tanah Melayu iaitu kerakyatan secara Kuat Kuasa Undang-undang, Permohonan dan Naturalisasi. Bukan itu sahaja, prinsip jus soli telah diterima. Hal ini telah memperlihatkan kerjasama dan tolak ansur yang jitu daripada semua kaum sehingga berjaya mencapai satu pakatan yang baik ke arah membina sebuah kerajaan Persekutuan yang kuat.

Sementara itu, perkara penting yang telah dipersetujui melalui usaha semua kaum ialah kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan sekaligus Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan. Seterusnya, agama Islam juga telah dijadikan agama rasmi Persekutuan manakala Tanah Simpanan Melayu turut dikekalkan. Kemudian, Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara dan pentadbiran negara adalah bersifat demokrasi berparlimen. Dalam pada itu, Dewan Rakyat dan Dewan Negara diletakkan di bawah kuasa Parlimen. Di peringkat negeri pula, Menteri Besar telah menjadi pelaksana pentadbiran dan beliau telah dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO.

Bukan itu sahaja, unsur Kesultanan Melayu telah digabungkan dengan sistem birokrasi Barat bagi membentuk identiti negara dan bangsa Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Selain itu, Pemimpin Melayu dan bukan Melayu menyokong pakatan ini kerana mereka menyedari bahawa pakatan ini akan mewujudkan perpaduan yang jitu antara kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Sebelum ini, masyarakat di Tanah Melayu menghadapi masalah perpaduan kaum akibat perbezaan kebudayaan dan fahaman politik. Menerusi pakatan murni, keharmonian kaum dapat dicapai tanpa menumpahkan darah.

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah memberikan hak mutlak kepada penduduk tempatan untuk mentadbir sebuah negara yang berdaulat dan merdeka mengikut acuan sendiri. Dengan pengalaman sejarah yang sama, setiap kaum berusaha untuk melahirkan identiti masyarakat yang merdeka.

Lebih-lebih lagi, perbezaan warna kulit, agama, bahasa dan bangsa juga telah diketepikan. Malah, rakyat kini menikmati apa yang telah dibincangkan dan dipersetujui dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Hasil kata sepakat daripada pemimpin pelbagai kaum yang sentiasa mengutamakan perundingan juga telah menjadi pendekatan

yang terbaik dalam melahirkan masyarakat berbilang kaum bagi membentuk sebuah kerajaan persekutuan yang kuat dan kukuh.

SOALAN 8

Sumbangan/Peranan **tokoh kemerdekaan** berbilang kaum bekerjasama untuk menjayakan pembinaan negara bangsa. (15 markah)

Antara sumbangan tokoh kemerdekaan yang berbilang kaum telah bekerjasama untuk menjayakan pembinaan negara bangsa sebenarnya telah bermula sejak awal era kemerdekaan negara yang dicapai pada 31 Ogos 1957. Dengan kebijaksanaan mereka, kemerdekaan negara telah dicapai tanpa pertumpahan darah. Sikap bekerjasama dan sentiasa mengutamakan perundingan dan kata sepakat telah menjadi pendekatan terbaik bagi masyarakat berbilang kaum di Persekutuan Tanah Melayu.

Antara tokoh terpenting iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Presiden UMNO, Ketua Parti Perikatan dan Perdana Menteri. Melalui kebijaksanaannya mengendalikan pakatan murni antara kaum, kemerdekaan telah dicapai dengan penuh harmoni dan gemilang.

Tun Abdul Razak, iaitu Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri, juga telah memainkan peranan penting. Beliau menjadi perunding dalam tuntutan kemerdekaan di London pada tahun 1956. Beliau juga menjadi perunding dalam menyiapkan Perlembagaan Kemerdekaan 1957. Selain itu, beliau menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penyata Pendidikan 1956 yang menggubal sistem pendidikan kebangsaan negara. Laporan itu dikenal sebagai Penyata Razak pada tahun 1957. Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada tahun 1970.

Tun H.S.Lee merupakan tokoh MCA yang telah memulakan kerjasama antara kaum sehingga mencetuskan idea penubuhan Parti Perikatan. Parti ini telah bekerjasama dengan UMNO dan MIC bagi mendapatkan kemerdekaan negara pada tahun 1957. Bagaimanapun, peranan Tan Cheng Lok sebagai Presiden MCA tidak kurang pentingnya sebagai penyokong Tunku Abdul Rahman dalam mendapatkan kemerdekaan negara.

Bagi masyarakat India pula, sumbangan mereka dalam menuntut kemerdekaan negara ini telah ditunjukkan oleh wakilnya, Tun V.T Sambanthan. Beliau merupakan Presiden MIC yang telah bersama-sama Tunku Abdul Rahman mendapatkan kemerdekaan negara. Tokoh ini menyokong sepenuhnya dasar kerjasama kaum sebagai tonggak kemerdekaan negara yang kukuh dan menyeru kaum India supaya memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada negara ini. Kebijaksanaan pemimpin-pemimpin era awal kemerdekaan negara wajar dihargai oleh rakyat Malaysia pada hari ni.

SOALAN NO. 9

Bagaimanakah/Cara **kerjasama pelbagai kaum** untuk menjayakan pembentukan negara dan bangsa yang merdeka diwujudkan.

(15 markah)

Kerjasama pelbagai kaum untuk menjayakan pembentukan negara dan bangsa yang merdeka dapat dilihat melalui penubuhan Sistem Ahli. Dalam sistem ini, ahlinya dianggotai oleh pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India.

Seterusnya, sistem ini memulakan proses perpaduan kaum yang menjadi asas ke arah kemerdekaan. Sistem Ahli juga melatih pemimpin pelbagai kaum bekerjasama dalam menerajui pentadbiran negara

Selain itu, kerjasama ini dijayakan melalui Pakatan Murni dengan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) yang dianggotai oleh pelbagai kaum. Rundingan UMNO dengan CLC membuktikan kesanggupan para pemimpin UMNO berunding dengan kaum lain untuk kepentingan masa depan negara.

Seterusnya, kerjasama pelbagai kaum ke arah pembentukan negara dan bangsa yang merdeka berlaku dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada Februari 1952, apabila UMNO dan MCA bergabung untuk menyertai pilihanraya tersebut.

Selain itu, kerjasama kedua-dua parti ini turut memenangi Pilihan Raya Negeri 1954 dengan mendapat 226 daripada 268 kerusi yang dipertandingkan membuktikan kerjasama antara kaum telah diterima oleh rakyat Tanah Melayu pada masa itu.

Seterusnya Parti perikatan telah menyertai Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) pada 27 Julai 1955 memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Ini jelas membuktikan permuafakatan kaum dalam pelbagai parti dapat diterima oleh penduduk Persekutuan Tanah Melayu.

Kemenangan Parti Perikatan telah membawa kepada pembentukan kabinet yang anggotanya terdiri daripada pelbagai kaum dan kabinet ini berfungsi sehingga kemerdekaan tercapai.

Kerjasama pelbagai kaum jelas menunjukkan adanya tolak ansur dalam kalangan rakyat apabila mereka menerima isi-isi perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang berkaitan kerakyatan dan kedudukan istimewa orang Melayu.

Kaum-kaum yang lain juga dapat menerima kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan dan agama Islam sebagai agama rasmi. Kesimpulannya kerjasama pelbagai kaum yang menyeluruh telah menjayakan pembentukan negara dan bangsa yang merdeka.

Tokoh-tokoh kemerdekaan negara kita terdiri daripada berbilang kaum seperti Tunku Abdul Rahman, Tun H.s Lee serta Tun V.T. Sambanthan membuktikan pemimpin berbilang kaum telah memainkan peranan penting untuk membina negara bangsa kita yang merdeka.

SOALAN 10:

Hubungkan kerjasama kaum dengan kewujudan semangat patriotisme yang tinggi dikalangan rakyat .

Bagaimanakah kerjasama kaum dapat mewujudkan semangat patriotisme atau cinta kepada negara yang tinggi.

(10 markah)

Kerjasama kaum dengan kewujudan semangat patriotisme yang tinggi di kalangan rakyat terbukti apabila kerajaan Malaysia mewujudkan Sistem Kabinet yang terdiri menteri-menteri dari pelbagai kaum. Mereka **bekerjasama dan gigih berusaha** untuk membangunkan negara dengan lancar dan adil dengan adanya semangat patriotisme yang tinggi.

Selain itu, usaha menggabungkan parti politik pelbagai kaum di Malaysia telah menghasilkan **kerjasama politik dalam menjaga keamanan dan kemakmuran** sekaligus membentuk negara Malaysia yang maju. Mereka sanggup menyetepikan kepentingan sendiri demi negara tercinta.

Pemimpin dari pelbagai kaum juga **berpandangan jauh dan berusaha memikirkan cara untuk memajukan negara** dengan mengurus tadbir kerajaan yang adil untuk semua rakyat Malaysia. Dengan ini pengagihan ekonomi menjadi lebih efisien untuk dinikmati oleh semua kaum.

Tolak ansur antara kaum ini dapat dilihat masih utuh dalam kalangan pemimpin-pemimpin parti politik serta rakyat Malaysia apabila mereka **sanggup hidup bersama serta berkongsi kekayaan negara** demi kepentingan bersama dan mengekalkan keharmonian masyarakat pelbagai kaum.

Semua rakyat Malaysia sentiasa mengamalkan semangat patriotik serta **sanggup berkorban mempertahankan kemerdekaan Malaysia** hingga mencapai masa depan yang cemerlang.

Soalan 11.

Ketidakwujudan kerjasama kaum di negara kita telah menjejaskan kemajuan negara kita. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

(10 markah)

Kerjasama kaum sememangnya menjadi asas kukuh bagi sesebuah negara untuk mencapai kemajuan. Perpaduan atau kerjasama kaum bermaksud satu keadaan iaitu rakyat dari pelbagai kumpulan etnik, agama dan wilayah, hidup dengan aman sebagai satu bangsa yang bersatu dengan memberi komitmen yang penuh kepada identiti kebangsaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun negara. Sekiranya kerjasama kaum tidak dapat dipraktikkan dalam negara kita sudah tentulah akan mengundang pelbagai implikasi negatif kepada bangsa dan agama serta seterusnya kepada kemajuan negara.

Implikasi yang pertama ialah berlakunya **pembangunan ekonomi yang tidak stabil**. Menurut kata ahli bank dunia, kunci bagi survival Malaysia ialah hubungan etnik yang harmonis atau dalam erti kata lain perpaduan rakyat dalam negara. Sekiranya hubungan etnik tergugat maka survival Malaysia sebagai satu negara juga turut terjejas. Masalah ekonomi akan timbul jika timbulnya masalah etnik dalam negara kita.

Implikasi yang kedua ialah **keharmonian negara terjejas**. Keharmonian negara terjejas bermaksud tidak ada kesepaduan di kalangan rakyat. Contohnya rakyat tidak mempunyai matlamat yang serupa dan tidak dikongsi bersama. Hal begini boleh menyebabkan keamanan negara dan integrasi diperingkat wilayah dan kaum serta kerjasama sesama masyarakat tidak dapat dipupuk dengan sempurna. Perkongsian sumber ekonomi tidak dapat dirasai bersama.

Sistem pendidikan negara akan turut terjejas juga merupakan implikasi yang ketiga. Misi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) ialah membangunkan pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia di samping memperkembangkan potensi individu dan memenuhi aspirasi negara. Jika bidang pendidikan negara kita terjejas maka matlamat KPM dalam menyediakan **sumber tenaga manusia yang berketrampilan dan berkemahiran tinggi tidak dapat dilahirkan** dan seterusnya bidang ekonomi tidak dapat dimajukan yang akhirnya menjadikan negara kita kan ketinggalan dalam pelbagai bidang.

Implikasi yang keempat ialah **negara tidak dapat mengubah semua corak ekonomi dan kehidupan daripada sektor pertanian kepada sektor perindustrian**. Seperti mana peristiwa tahun 1969 yang pernah berlaku iaitu ekonomi lebih dikuasai oleh golongan Cina berbanding rakyat tempatan yang hanya bekerja sebagai nelayan dan petani. Sekiranya hal ini dibiarkan pembangunan ekonomi secara menyeluruh dan tranformasi ekonomi di dalam

negara tidak dapat dijalankan dengan baik disebabkan wujud perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat.

Implikasi yang kelima ialah berlakunya **ketidakstabilan politik** dalam negara kita. Kerjasama kaum dalam bidang politik juga memainkan peranan yang penting didalam memurnikan unsur demokrasi dalam sistem pemerintahan negara. Kestabilan politik amat penting bagi menarik pelabur asing melabur di dalam negara untuk membangunkan sektor ekonomi negara kita.

Implikasi yang seterusnya ialah **nilai materialisme yang melampau**. Nilai negatif ini bermaksud nafsu mencari keuntungan yang maksimum dalam ekonomi pasaran bebas. Hal ini sekaligus memupuk ketidakadilan dikalangan rakyat. Pengamalan nilai negatif ini akan mewujudkan ramai rakyat yang miskin dan tidak mampu menyara keluarga dan kehidupan. Jurang ekonomi akan bertambah buruk dan akhirnya mengundang kekacauan di dalam negara kita.

Kesimpulannya, usaha memupuk perpaduan kaum atau integrasi nasional sangat penting dan perlu diteruskan dengan bersungguh-sungguh agar tidak akan timbul implikasi-implikasi negatif seperti yang dinyatakan di atas bagi meningkatkan kemajuan ekonomi negara kita secara menyeluruh.

Soalan no.12

**Kerjasama kaum dalam pembinaan negara bangsa dapat mensejahterakan rakyat Malaysia.
Buktikan. *(10 markah)***

Kerjasama kaum dapat menumpukan pada usaha-usaha memakmurkan negara dengan pelbagai aktiviti dan program pembangunan ekonomi yang baik dan berkesan. Pembangunan ekonomi yang berkesan akan membawa kepada kemajuan ekonomi dan melahirkan kestabilan politik.

Kerjasama kaum juga membawa kepada perpaduan yang membolehkan rakyat mengecapi kehidupan yang harmoni dan sejahtera. Masyarakat dapat menjalin hubungan akrab dan bergaul dengan baik tanpa prasangka serta prejudis sesama mereka. Masyarakat diberi peluang mengamalkan kebebasan beragama dan bersuara. Mereka akan bersama-sama membangunkan dan memajukan negara serta bersedia mempertahankan negara demi kedaulatan yang dikecapi.

Seterusnya, melalui kerjasama antara kaum menjamin pentadbiran negara dapat diuruskan dengan baik dan lancar. Para pemimpin dapat menumpukan usaha-usaha pembangunan yang membawa negara ke mercu kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Rakyat yang ditadbir tidak bermasalah dan mengganggu pengurusan negara kerana mereka hidup dalam iklim perpaduan yang sihat. Malah negara kita juga boleh menjadi model perpaduan masyarakat yang berbilang kaum. Hal ini menjadikan imej negara akan dipandang tinggi di mata dunia. Ini jelas membuktikan bahawa kerjasama kaum dalam pembinaan negara bangsa dapat mensejahterakan rakyat Malaysia.

SOALAN NO. 13

Kebaikan kerjasama kaum dan kesannya terhadap rakyat Malaysia (10 markah)

Kebaikan kerjasama kaum ialah dapat **mengekalakan perpaduan kaum**. Selain itu dapat **memelihara persefahaman** dalam kalangan rakyat. Seterusnya kerjasama kaum juga dapat **mengekalakan keharmonian** hidup pelbagai kaum sekaligus dapat **menstabilkan politik negara**.

Selain daripada itu dapat **mengelakkan penulanan isu-isu sensitif** yang dapat menimbulkan perasaan **prasangka terhadap kaum lain**. Kerjasama kaum ini dapat **memupuk perasaan hormat-menghormati** antara kaum dan dalam masa yang sama mewujudkan suasana yang **harmonis** dalam masyarakat.

Kesan kerjasama kaum ialah **rakyat hidup bersatu padu tanpa ada perbalahan**. Selain itu, dapat **menguatkan identiti bangsa Malaysia** yang terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan budaya.

Di samping itu juga, dapat **mengekalakan keamanan dalam negara** kerana **rakyat saling memahami** di antara satu sama lain. Secara tidak langsung dapat mengelakkan **campur tangan kuasa asing**. Seterusnya rakyat **saling bantu membantu** tanpa mengira perbezaan agama dan bangsa.

Seterusnya **mendidik rakyat berkongsi kekayaan** negara dengan **pengagihan ekonomi secara adil**. Selain itu dapat **menarik minat para pelabur** asing untuk datang melabur ke dalam negara kita. Pada masa yang sama dapat **menjamin kemajuan ekonomi** negara yang berterusan. Akhir sekali **kemakmuran ekonomi negara** akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia.

SOALAN 14:

Buktikan masyarakat negara kita sudah mencapai tahap semangat patriotisme dan kerjasama kaum yang tinggi.

Bukti masyarakat negara kita sudah mencapai tahap semangat patriotisme dan kerjasama kaum yang tinggi ialah wujudnya kestabilan politik di Malaysia yang menyebabkan imej negara kita meningkat di mata dunia. Negara kita diiktiraf di mata dunia contohnya

Bukti seterusnya ialah melalui semangat patriotisme yang tinggi telah mencetuskan kejayaan rakyat Malaysia dalam sektor ekonomi yang telah berjaya **menurunkan kadar kemiskinan** rakyat hasil dari perkongsian ekonomi dan kekayaan negara yang dinikmati secara bersama. Buktinya penurunan kadar kemiskinan daripada 42.4% pada tahun 1976 kepada 51% tahun 2010.

Masyarakat negara kita terbukti sudah mempunyai semangat patriotisme yang tinggi dan kerjasama kaum yang sangat kuat ialah negara kita aman dan damai. Masyarakat menjalin hubungan yang harmoni dan akrab sesama mereka. Rakyat negara kita bebas mengamalkan agama dan budaya masing-masing. Tidak ada pergaduhan etnik dan kaum seperti yang berlaku di negara lain.

Seterusnya **pembinaan bangunan pencakar langit** seperti KLCC dan Menara Petronas membuktikan kekukuhan ekonomi negara yang disebabkan semangat patriotisme yang tinggi dan kerjasama kaum di negara kita.

Di samping itu, semangat patriotisme dan kerjasama kaum di negara kita telah menyebabkan **kemajuan dalam sektor pelancongan** yang telah mengalakkan pelaburan asing dan berjaya meletakkan negara setanding dengan negara-negara lain di dunia.

Semangat patriotisme dan kerjasama kaum yang tinggi juga dibuktikan melalui kejayaan pembentukan **Dasar Pendidikan Kebangsaan** yang melibatkan semua kaum di Malaysia.

Seterusnya penghayatan **kebudayaan kebangsaan** telah dapat melahirkan rasa hormat dan menghargai budaya bangsa lain atas faktor kekitaan. Misalnya menyambut perayaan secara bersama seperti mengadakan rumah terbuka pada hari sambutan perayaan setiap kaum utama di Malaysia.

Seterusnya dengan termaktubnya Perlembagaan Malaysia 1963 yang menetapkan agama Islam sebagai agama rasmi tetapi agama lain bebas diamalkan telah melahirkan rasa kebersamaan. Misalnya tidak menimbulkan isu-isu sensitif yang berkaitan agama yang boleh menyentuh perasaan mana-mana pihak.

Rakyat Malaysia juga telah bersama-sama **mengiktiraf ideologi Malaysia iaitu Rukun Negara**. Ini telah berjaya mewujudkan semangat patriotisme di kalangan masyarakat Malaysia selaras dengan matlamat Rukun Negara iaitu mengukuhkan perpaduan.

SOALAN NO 15

Terdapat pihak yang suka mewujudkan perselisihan kaum di negara kita.

(i)Mengapakah keadaan tersebut berlaku? [10 markah]

Keadaan ini berlaku kerana masyarakat Malaysia terdiri dari pelbagai bangsa yang mempunyai agama dan budaya yang berbeza.

Selain itu kerana wujudnya sikap mementingkan bahasa ibunda masing-masing sehingga menyebabkan kurangnya komunikasi antara kaum.

Seterusnya berlaku jurang perbezaan pendidikan kerana wujud banyak sekolah persendirian yang mengasingkan murid mengikut kaum masing-masing.

Seterusnya berlakunya cabaran globalisasi seperti wujudnya laman sosial seperti *facebook* menyebabkan penularan maklumat yang mengandungi isu-isu sensitif dan berunsur fitnah yang boleh menimbulkan kemarahan dan perselisihan antara masyarakat pelbagai kaum.

Selain itu kerana wujudnya sikap mementingkan kaum atau bangsa masing-masing menimbulkan masalah perkauman. Malah terdapat segelintir masyarakat juga bertindak tidak menyokong dasar kerajaan dan tidak menghormati pemimpin.

Mereka juga sering bertindak di luar batas undang-undang kerana tidak menghormati perlembagaan negara dengan cara membuat pelbagai provokasi perkauman.

Seterusnya konflik sentiasa wujud kerana masyarakat akan sentiasa bersaing untuk mendapatkan kuasa atau kedudukan. Misalnya adanya parti politik yang bermain taktik kotor dengan menghasut, meracuni pemikiran rakyat dan mengapi-apikan sentimen perkauman demi kepentingan mereka sendiri.

Akhir sekali perselisihan kaum di negara kita juga wujud kerana berlaku jurang ekonomi yang besar antara kaum. Misalnya bidang ekonomi hanya didominasi oleh kaum tertentu dan menguntungkan satu pihak sahaja.

(ii) Berikan **cadangan** untuk menghapuskan sikap negatif berikut. [10 markah]

Cadangan untuk menghapuskan sikap negatif berikut ialah Kementerian Pelajaran perlu memperkasakan sistem sekolah kebangsaan kerana murid dapat beramah mesra, bergaul, bersukan, makan bersama, saling mengenal dan mengeratkan hubungan silaturahim sekaligus dapat mengatasi masalah perbezaan agama dan budaya.

Seterusnya, setiap rakyat Malaysia haruslah fasih berbahasa Melayu kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara dan difahami hampir seluruh rakyat Malaysia dan dapat menyatukan semua kaum

Selain itu, ibu bapa perlulah menghantar anak-anak ke sekolah harian kerana dapat bergaul dengan mesra walaupun berbeza kaum.

Guru-guru boleh mengadakan aktiviti kokurikulum di sekolah dengan melibatkan semua murid dalam aktiviti seperti perkhemahan dan acara sukan maka hubungan silaturahim antara kaum dapat dieratkan.

Seterusnya pihak kerajaan perlu mengetatkan undang-undang berkaitan penularan maklumat isu perkauman di media sosial. Tindakan undang-undang yang tegas dapat memberikan pengajaran supaya rakyat lebih berhati-hati semasa menggunakan media sosial dalam menyebarkan maklumat.

Selain itu, rakyat Malaysia perlu menghayati kebudayaan kebangsaan kerana dapat melahirkan rasa hormat dan menghargai budaya bangsa lain. Misalnya menyambut perayaan secara bersama seperti mengadakan rumah terbuka pada hari raya.

Seterusnya memiliki sikap patuh kepada undang-undang dapat mengelakkan masyarakat dari menyentuh isu-isu sensitif yang boleh menimbulkan perselisihan antara kaum.

Pemimpin parti politik yang berbeza fahaman perlulah menerapkan konsep pakatan murni dalam usaha mencapai kemerdekaan. Hal ini kerana dapat mengukuhkan perpaduan antara kaum.

Seterusnya, pihak kerajaan haruslah merangka dasar ekonomi yang sesuai dengan keadaan ekonomi dunia dan keperluan rakyat untuk mengelakkan masalah jurang ekonomi antara kaum .

SOALAN NO.16

Jelaskan cabaran untuk mewujudkan kerjasama kaum di negara kita. [10 markah]

Antara cabaran untuk mewujudkan kerjasama kaum di negara kita ialah masih wujud sistem pendidikan berbeza aliran. Contohnya wujud SJKC dan SJKT yang mengasingkan pelajar mengikut majoriti kaum masing-masing.

Cabaran seterusnya ialah penggunaan bahasa Malaysia masih tidak digunakan secara menyeluruh di negara kita. Penggunaan bahasa ibunda masing-masing akan menyukarkan proses komunikasi antara kaum dan sekaligus persefahaman antara kaum gagal diwujudkan.

Selain itu kurangnya interaksi sosial antara kaum akan menyebabkan hilang rasa kepercayaan dan timbul prasangka buruk antara satu sama lain.

Seterusnya media sosial yang sering digunakan oleh sesetengah individu yang tidak bertanggungjawab untuk menyebarkan berita palsu juga menjadi punca perbalahan antara kaum. Penyalahgunaan media sosial seperti *facebook* dan *whatsapp* telah mencetuskan isu-isu sensitif yang merenggangkan hubungan antara kaum.

Cabaran lain ialah sikap tidak menghormati agama dan adat resam kaum lain. Misalnya ada segelintir individu yang bertindak memuat naik bahan-bahan yang boleh mengganggu sensitiviti kaum tertentu di laman sosial.

Seterusnya sikap mementingkan diri sendiri dalam hal-hal tertentu menyebabkan ada segelintir masyarakat bertindak tidak menyokong dasar kerajaan dan tidak menghormati pemimpin.

Mereka juga sering bertindak di luar batas undang-undang kerana tidak menghormati perlembagaan negara. Sikap individu sedemikian menjarakkan lagi jurang perkauman di Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk.

Selain itu perbezaan lokasi petempatan juga menyebabkan hubungan menjadi renggang kerana jarang berlaku aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan secara bersama. Contohnya gotong-royong di kawasan perumahan.

Di samping itu, cabaran globalisasi merupakan anasir luar yang mampu memecahbelahkan perpaduan dalam negara kita. Contohnya, serangan pemikiran dan juga wujudnya hasutan supaya berpaling tadah terhadap negara sendiri.

Akhir sekali, dominasi kaum dalam satu-satu bidang ekonomi juga menjadi cabaran dalam mewujudkan kerjasama kaum kerana kaum-kaum tertentu akan mengekalkan hak dan kuasa dominasi mereka.

SOALAN NO 17.

Jelaskan cabaran untuk meningkatkan semangat patriotisme di kalangan rakyat negara kita (10 markah)

Cabaran yang dihadapi dalam meningkatkan semangat patriotisme di kalangan rakyat negara kita adalah kurang kesedaran dari generasi muda. Penglibatan generasi muda dalam kebejatan sosial dan budaya hedonistik melemahkan semangat patriotisme. Kehidupan yang serba mewah dan dibanjiri hiburan dan kesenangan menyebabkan generasi muda sering leka dan alpa daripada memikirkan soal kedudukan dan kemajuan bangsa. Generasi muda juga tidak mematuhi prinsip rukun negara sehingga mereka mengabaikan tanggungjawab sebagai warganegara dan tidak mahu berkorban untuk negara.

Selain itu, cabaran meningkatkan semangat patriotisme adalah dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Natiyahnya setiap kaum mempunyai latar belakang sosioekonomi dan pengalaman sejarah yang berbeza. Mereka juga mengamalkan adat dan kepercayaan yang berbeza malah menuturkan bahasa yang berlainan. Justeru perkara ini merupakan cabaran dalam meningkatkan patriotisme kerana semangat perpaduan sukar dicapai di samping kewujudan pola penempatan yang berbeza.

Seterusnya keadaan bertambah sukar apabila setiap kaum mempunyai ideologi politik yang berbeza sebagai akibat penubuhan parti-parti politik berdasarkan kaum. Hal ini menyebabkan setiap kaum mempunyai persepsi negatif terhadap kaum lain malahan mengamalkan sikap kurang menghormati sebaliknya taksub kepada kaum sendiri dan mempunyai syak wasangka terhadap kaum lain. Peristiwa berdarah 13 Mei yang meragut kedaulatan negara tidak dijadikan iktibar oleh masyarakat berbeza kaum ini. Cabaran ini lah yang menyebabkan semangat patriotisme sukar dipupuk dalam kalangan rakyat Malaysia.

Hal ini bertambah besar cabarannya apabila kegagalan media massa menyampaikan mesej perpaduan malah sering menimbulkan isi-isu sensitif. Peranan media massa merupakan medium yang paling berkesan dalam meningkatkan semangat patriotisme namun media massa tidak melaksanakan peranannya dengan sebaik mungkin apabila gagal membawa ke tengah isu-isu yang membentuk perasaan cinta kepada negara. Bukan itu sahaja, media massa juga sekadar hangat-hangat tahi ayam dalam menyebarkan dakwah nasionalisme berbanding berita-berita sensasi artis tanah air dan kontrovesi murahan yang lebih mendapat perhatian masyarakat.

SOALAN 18.

Jelaskan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran untuk meningkatkan semangat patriotism di kalangan rakyat negara kita

(10 markah)

Langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut ialah melalui pelaksanaan program integrasi nasional di sekolah. Antaranya ialah menjalankan aktiviti gotong-royong di dalam sekolah kerana ini akan memberi peluang kepada warga sekolah bersama-sama membersihkan kawasan sekolah dan berinteraksi di antara satu sama lain serta mengenali rakan yang tidak dikenali. Keadaan ini secara tidak langsung telah mewujudkan perpaduan.

Selain itu, pihak sekolah juga boleh mengadakan sambutan perayaan pelbagai kaum seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan lain-lain perayaan di sekolah. Melalui cara ini, setiap pelajar dapat mempelajari adat resam serta kepercayaan kaum-kaum di Malaysia. Ini akan menimbulkan rasa hormat di kalangan pelajar terhadap kaum lain serta dapat mengeratkan persefahaman antara pelajar-pelajar yang berlainan kaum. Salah faham dan perbezaan pendapat antara kaum akan dapat dielakkan kerana pelajar-pelajar telah memahami budaya kaum lain.

Pihak kerajaan juga memperkenalkan Sekolah Wawasan yang berkonsepkan belajar bersama-sama dalam satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum atau agama. Di bawah konsep ini, tiga buah sekolah rendah berlainan aliran akan ditempatkan dalam kawasan yang sama, iaitu sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil. Setiap sekolah akan mempunyai bangunan sendiri yang boleh bersambung antara satu sama lain dengan menggunakan jambatan penghubung.

Antara tujuan utama penubuhan Sekolah Wawasan ialah mewujudkan perpaduan di kalangan murid-murid yang berbagai bangsa dan latar belakang, memupuk semangat integrasi antara pelajar dari pelbagai aliran, melahirkan generasi yang mempunyai sifat toleransi dan persefahaman yang tinggi demi mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu, dan menggalakkan interaksi maksimum antara semua warga sekolah melalui perkongsian kemudahan sekolah dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain di sekolah. Melalui cara ini ternyata ia dapat membawa kesedaran yang tinggi kepada masyarakat tentang pentingnya perpaduan di kalangan masyarakat yang perlu dipupuk sejak dari kecil lagi.

Langkah yang seterusnya bagi memantapkan perpaduan di Malaysia ialah melalui aktiviti kokurikulum. Contohnya aktiviti sukan dapat memantapkan perpaduan melalui penglibatan semua kaum dalam acara-acara yang dipertandingkan seperti dalam Kejohanan Peringkat MSSM atau pun Sukan Malaysia (SUKMA).

SOALAN 19

Cara untuk memupuk semangat kerjasama kaum di negara kita.

[10 markah]

Antara cara untuk memupuk semangat kerjasama antara kaum di negara kita ialah melalui peranan ibu bapa. Iaitu melalui aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan di kawasan tempat tinggal mereka. Misalnya gotong royong membersihkan persekitaran.

Selain daripada itu melalui aktiviti sambutan perayaan juga dapat memupuk semangat kerjasama antara kaum contohnya sambutan Hari Raya Aidil Fitri iaitu kaum-kaum lain juga saling mengunjungi dan meraikannya bersama-sama.

Pihak kerajaan juga seharusnya memainkan peranan dengan mengadakan kempen memupuk semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat. Pihak kerajaan boleh menggunakan medium media sosial ataupun media cetak dan media elektronik. Kempen tersebut boleh menggalakkan penyertaan semua kaum dalam aktiviti yang dijalankan. Misalnya aktiviti sukan dan riadah peringkat komuniti seperti Hari Keluarga, Kejohanan Sukan, Ceramah Perpaduan dan sebagainya.

Kerajaan juga boleh bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) dengan memberi dana kewangan ataupun khidmat nasihat untuk menjalankan program-program tertentu. Program-program tersebut haruslah bertemakan memupuk semangat kerjasama antara kaum. Sebagai contoh Skuad Cinta Negara yang ditubuhkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat pelbagai kaum.

Cara untuk memupuk semangat kerjasama antara kaum juga boleh dimainkan peranan oleh pihak sekolah. Para guru boleh memainkan peranan untuk memupuk semangat tersebut melalui pelbagai program dan aktiviti yang dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah. Misalnya aktiviti pembelajaran berkumpulan bersama di dalam bilik darjah. Melalui cara ini pelajar boleh berinteraksi, berkomunikasi dan belajar nilai kerjasama antara mereka.

Dengan peranan semua pihak menjalankan semua aktiviti dan program diharap semangat kerjasama antara kaum di negara kita ini akan terus subur dan segar bagi menjamin keharmonian dan kestabilan negara pada masa hadapan.

SOALAN 20.

Sebagai pemimpin masyarakat, bagaimanakah anda mengukuhkan semangat perpaduan di kalangan penduduk?

Semangat perpaduan dapat dikukuhkan melalui aktiviti gotong-royong seperti dalam kenduri-kendara atau membersihkan kawasan kampung. Amalan kunjung-mengunjung perlu disemarakkan terutamanya pada musim perayaan. Rumah terbuka peringkat kampung boleh dilaksanakan bagi memberi ruang semua penduduk berjumpa.

Selain itu, kempen=kempen yang dapat menyemarakkan perpaduan perlu dijalankan seperti ceramah, pertandingan sukan rakyat, menganjurkan pesta jualan dan sebagainya.

Amalan lain ialah seperti rukun tetangga, membina penempatan yang membawa kepada percampuran kaum, menyambut perayaan secara bersama dan menubuhkan persatuan peringkat kampung seperti koperasi nelayan.

Sebagai pemimpin, saya juga akan menggalakkan masyarakat setempat bertutur menggunakan bahasa Melayu, hidup saling menghormati dan memahami perbezaan budaya, kepercayaan dan agama setiap kaum.

SOALAN NO 21

Jelaskan **iktibar** yang diperoleh daripada pembinaan negara bangsa kita. (10 markah)

Antara iktibar yang diperoleh daripada pembinaan negara bangsa ialah **kita perlulah mewujudkan identiti kebangsaan** bagi negara kita.

Seterusnya, iktibar yang diperoleh ialah kita **mestilah menggalakkan semangat perpaduan** dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Selain itu sebagai rakyat Malaysia kita **hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa** untuk menerajui negara kerana kita memerlukan pemimpin yang mempunyai daya pemikiran yang hebat untuk menyatukan kaum di negara kita.

Seterusnya, kita **hendaklah bekerjasama antara semua pihak** agar dapat berbincang dan mudah membuat keputusan dalam sesuatu isu .

Iktibar lain ialah kita **perlu mengamalkan sikap hormat menghormati antara kaum** untuk mengelakkan sikap buruk sangka sesama antara satu sama lain.

Selain itu , pihak kerajaan **perlulah memacu pertumbuhan ekonomi negara** bagi membolehkan kemajuan negara berkembang dengan baik seiring dengan pembinaan negara bangsa.

Iktibar seterusnya ialah warganegara Malaysia **perlulah mempunyai semangat patriotisme yang tinggi** dengan berpegang teguh kepada prinsip rukun negara yang merupakan ideologi negara.

Selain itu, masyarakat Malaysia perlu dipupuk dengan sikap **berbudi bahasa** supaya beradab dalam berkomunikasi sekaligus tidak menyentuh perasaan mana-mana pihak.

Akhir sekali kita perlulah mempunyai **sifat bertolak ansur antara kaum** agar negara kita terus kekal aman dan makm

22. RUMUSAN

Pengetahuan yang diperolehi ialah perjuangan membentuk sebuah negara dan bangsa yang merdeka menuntut pengorbanan yang besar. Kerjasama yang wujud antara kaum dan parti politik yang berlainan menyediakan asas kepada negara untuk lebih maju pada masa hadapan. Penubuhan Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC) sebagai gabungan kerjasama kaum merupakan satu rahmat. Justeru, parti-parti politik di Malaysia harus berganding bahu membantu dan menyokong kerajaan mengekalkan keharmonian yang ada. Hal ini kerana sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di negara kita akan berjalan dengan baik dan mantap dengan sokongan parti politik.

Oleh demikian, nilai-nilai patriotisme seperti sikap bertoleransi antara kaum harus diterapkan. Semua kaum haruslah memberikan kerjasama dan sokongan yang padu untuk menjayakan segala rancangan dan dasar kerajaan. Rakyat perlulah sentiasa mengamalkan perpaduan antara kaum kerana kestabilan politik akan membawa kepada keharmonian kaum dan kestabilan negara.

Harapan untuk mewujudkan kerjasama kaum di negara kita ialah pemerintah dapat terus mengekalkan pentadbiran negara yang cekap dan efektif. Harapan jua agar Malaysia akan terus mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen, terus aman, makmur dan berdaulat. Kesimpulannya, walaupun kita mempunyai banyak perbezaan namun kita akan terus menjalani kehidupan dengan mengharungi kesukaran, bekerjasama dan bersedia untuk berkorban serta berkongsi nikmat kemakmuran dan kejayaan.